

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah lesen-lesen diperlukan oleh sesebuah kedai runcit untuk dibenarkan menjual barang-barang kawalan dan sama ada lesen-lesen tersebut boleh digabungkan ke dalam satu lesen induk.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian telah memperkenalkan semula lesen runcit barang kawalan berjadual bagi gula, tepung gandum dan minyak masak mulai 1 Jun 2010. Penambahbaikan terhadap lesen runcit telah dilaksanakan dengan memperkenalkan Lesen Runcit Komposit Barang Kawalan Berjadual pada 1 Julai 2010 di mana enam barang kawalan berjadual iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), petrol dan diesel disenaraikan dalam satu lesen bagi memudahkan peruncit berbanding sebelumnya melibatkan beberapa lesen.

Pelaksanaan semula lesen runcit barang kawalan berjadual memberi kesan positif dari segi memudahkan pengawalan dan penguatkuasaan, menjimatkan subsidi Kerajaan dan tidak membebankan peniaga. Selain itu, kerjasama bersepadu dapat dipertingkatkan di antara agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya di kawasan sempadan dalam mengawal ketirisan barang keperluan.